



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 SEPTEMBER 2017 (RABU)

AKHBAR	MUKA SURAT
Sinar Harian	
- Bantahan bina pusat konvensyen	39
Utusan Malaysia	
- Pertemuan MPAJ penduduk Taman Melawati minggu depan	43
Berita Harian	
- Peniaga jangan caj pengguna	12



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 SEPTEMBER 2017 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Bantahan bina pusat konvensyen
Muka Surat	39





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 SEPTEMBER 2017 (RABU)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Pertemuan MPAJ penduduk Taman Melawati minggu depan
Muka Surat	43

Pertemuan MPAJ penduduk Taman Melawati minggu depan

4m 13/9/17 ms 43

KUALA LUMPUR 12 Sept. - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan mengadakan perjumpaan bersama penduduk Taman Melawati, Hulu Kelang bagi menyelesaikan kekusutan berhubung isu cadangan pembinaan pusat konvensyen di kawasan itu pada minggu hadapan.

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, inisiatif itu diambil bagi merungkai persoalan yang ditimbulkan memandangkan rancangan asal bagi lokasi tanah rizab awam tersebut merupakan sebuah taman rekreasi.

"Kita akan membuat perjumpaan dengan penduduk dalam masa terdekat iaitu pada minggu hadapan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Yang Dipertua MPAJ, Abd. Hamid Hussain juga menegaskan bahawa perkara tersebut telah disentuh oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Azmin Ali menerusi satu kenyataan semalam.

Difahamkan, Azmin menjelaskan bahawa projek pembinaan pusat konvensyen itu



30,000 penduduk bantah bina dewan

**KERATAN
Utusan
Malaysia 11
September
2017**

Kita akan membuat perjumpaan dengan penduduk dalam masa terdekat iaitu pada minggu hadapan."

NORHAYATI AHMAD
Pegawai Komunikasi Korporat
MPAJ

tidak akan dijalankan secara tergesa-gesa dan kerajaan

negeri memberi jaminan kepada penduduk Taman Melawati pembinaan taman rekreasi tetap akan diteruskan.

Baru-baru ini, kira-kira 30,000 penduduk di kawasan berkenaan membantah projek itu kerana didakwa menyebabkan pelbagai masalah termasuk

kesesakan lalu lintas. Tapak berkeluasan 1.32 hektar yang sepatutnya dibina sebuah taman rekreasi itu didakwa telah diubah tanpa pengetahuan dan persetujuan penduduk setempat sedangkan ia tidak sepatutnya berlaku kerana kerajaan negeri telah menjanjikan kawasan itu untuk dijadikan taman rekreasi.

Sebanyak lebih 2,000 tandatangan petisyen bantahan cadangan pelan itu berjaya dikumpul dan dihantar kepada pihak berwajib.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 SEPTEMBER 2017 (RABU)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Peniaga jangan caj pengguna
Muka Surat	12

Ms.12 Rabu, 13 September 2017 BH

→ HALAMAN KOTA

ADUAN PEMBACA
Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my



[FOTO HILSAN]

Info

Penggunaan plastik biodegradasi

- Fasa pertama (Jun 2016) mewajibkan penggunaan plastik biodegradasi sahaja dan dimulakan di Pasar Raja Bot
- Fasa kedua (Ogos 2016) diperluaskan di pasar malam, restoran dan trak makanan di Pusat Bandar KL, Putrajaya dan Labuan.
- Fasa ketiga (Oktober 2016) kempen kesedaran kompleks membeli-belah, hypermarket, dan pusat penjaja
- Fasa keempat (Januari/Februari 2017) mesyuarat dengan pihak-pihak berkepentingan
- Fasa kelima (Jun 2017) pelaksanaan sepenuhnya penggunaan produk biodegradasi di kaunter semua premis perniagaan di Wilayah Persekutuan
- Fasa keenam (September 2017) penguatkuasaan tindakan undang-undang.

Pelbagai jenis bekas polisterina (tidak mudah terurai) yang dilarang penggunaannya mulai 1 September lalu.

KUAT KUASA GUNA PRODUK BIODEGRADASI MULAI 1 SEPTEMBER

Peniaga jangan caj pengguna

• Kementerian beri amaran pastikan tiada pengusaha memanipulasi larangan penggunaan plastik, polisterina

Oleh Mohd Fharikh Abdul Ghapar
bhnews@bh.com
Kuala Lumpur

Jangan sabotaj inisiatif kerajaan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan bebas plastik.

Itu amaran keras Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) kepada peniaga di ibu negara, Putrajaya dan tabuan supaya tidak melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan larangan penggunaan plastik dan polisterina.

Pada masa sama, peniaga perlu menggunakan produk biodegradasi (boleh urai) tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada pelanggan.

Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Adnan Md Ikhsan, berkata peringatan itu bagi memastikan tiada peniaga memanipulasi larangan penggunaan plastik dan polisterina yang berkuatkuasa pada 1 September lalu.

Tiada caj tambahan

"Kementerian melarang peniaga dan penjaja serta premis perniagaan mengenakan bayaran atau caj tambahan kepada pengguna bagi produk biodegradasi. Kos penyediaan produk itu perlu ditanggung sepenuhnya peniaga.

"Kami tidak mahu ada pihak cuba memburukkan usaha murni kerajaan dengan menjadikan per-



Ramai dalam masyarakat tidak sedar, plastik antara bahan buangan yang menjadi punca berlakunya banjir kilat akibat saluran longkang tersumbat dan dipenuhi dengan plastik"

Adnan Md Ikhsan,
Ketua Setiausaha KWP

ubahan ke arah cara hidup yang lestari ini sebagai perkara yang membebankan rakyat di Wilayah Persekutuan (WP)," katanya kepada BH.

Mulai 1 September lalu, KWP mewajibkan peniaga di Wilayah Persekutuan menggunakan plastik biodegradasi. Menurusi peraturan itu, peniaga dilarang menggunakan plastik dan polisterena. Plastik biodegradasi mempunyai ciri mudah kompos, mesra alam dan menggunakan teknologi hijau atau sumber yang boleh diguna semula seperti sumber dari tumbuh-tumbuhan.

Lokasi pasar tani

Kira-kira seminggu selepas peraturan itu dikuatkuasakan, tinjauan Halaman Kota di beberapa premis perniagaan dan lokasi pasar tani sekitar ibu negara mendapati majoriti peniaga masih menggunakan plastik bukan biodegradasi secara berleluasa.

Adnan berkata, kementerianya akan menggunakan undang-undang bagi penguatkuasaan larangan penggunaan plastik dan polisterena.

Ia membabitkan Undang-Undang Kecil Pelesenan 1 Wilayah bagi menentukan cara hukuman, Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi menentukan jumlah kompani peniaga di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Ordinan Pelesenan Perdagangan (Trades Licensing Ordinance) 1948 bagi peniaga di Labuan.

Katanya, tindakan yang akan dilakukan memusnahkan lima cara iaitu pembatalan lesen perniagaan, denda, melucutkan deposit, penyaliran dan penjara.

Pencemaran alam sekitar

"Tindakan ini bagi memastikan kejayaan inisiatif kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan bebas plastik," katanya.

Adnan turut menasihatkan masyarakat awam agar dengan peraturan penggunaan produk biodegradasi.

"Peranan masyarakat penting dalam usaha ini. Masyarakat perlu bersedia dan menerima perubahan untuk membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar. Inisiatif ini untuk memastikan persekitaran bandar raya sentiasa bersih dan lestari.

"Ramai yang tidak sedar plastik antara bahan buangan yang menjadi punca banjir kilat akibat saluran longkang tersumbat kerana dipenuhi plastik," katanya.

Adnan berkata, sejak inisiatif itu diperkenalkan, pelbagai usaha kesedaran dan promosi penggunaan produk biodegradasi kepada peniaga dan masyarakat diadakan.

"Publisiti penggunaan produk boleh urai dan larangan penggunaan plastik sudah banyak dilakukan dan adalah tidak wajar beri alasan 'tidak lahu' apabila dikenakan tindakan jika gagal mematuhi larangan berkenaan," katanya.